# KAJIAN LAPANGAN PENGURUSAN PINGGIR PANTAI @ KUDAT

Oleh: Soon Singh A/L Bikar Singh



Kajian lapangan ini dijalankan untuk memenuhi salah satu syarat wajib kertas (TG20203) Pengurusan Pinggir Pantai bagi semester 1 sesi 2010/2011 dan membolehkan pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di dewan kuliah. Kajian lapangan ini dijalankan di Sekitar Pantai Simpang Mengayau, Kudat pada 24 hingga 26 September 2010. Seramai 44 orang pelajar kursus Pendidikan Dengan Sains sosial (HT17) major geografi, telah mengambil bahagian dengan diiringi oleh En. Soon Singh a/l Bikar Singh sebagai pensyarah pembimbing. Para pelajar mula bertolak pada 24 september jam 3.00 petang dan menginap di Rumah Rehat Kudat. Kajian bermula pada keesokkan harinya pada jam 7.00 pagi. Pelajar dibahagi kepada tujuh kumpulan bersama tajuk kajian masing-masing iaitu mengukur kelebaran pantai, melihat proses pengangkutan ombak, proses-proses hakisan ombak dan kesan pembangunan ke atas pinggir pantai. Kajian tamat pada jam 5.00 petang dan semua pelajar kembali ke tempat penginapan untuk berehat dan mengadakan perbincangan dengan pensyarah untuk menyediakan laporan kajian. Pada 7.00 pagi keesokkan harinya, kami semua pulang ke kolej kediaman masing-masing. Kesimpulannya, walaupun terdapat beberapa kekangan khususnya sebelum program bermula, Kajia lapangan ini dapat dijalankan dengan jayanya dan telah mencapai objektif yang disasarkan.

